

**STPM 2018**

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
KALENDAR PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2018

PERKARA	PEPERIKSAAN (TAHUN DILAKSANA)				
	Penggal 1 (2018)	Penggal 2 (2018)	Penggal 3 (2018)	Ulangan Penggal 1 (2018)	Ulangan Penggal 2 (2018)
Tarikh Pendaftaran Dibuka	15 Jun 2017 (Semua jenis calon)			2 April 2018	6 Ogos 2018
	-	8 Januari 2018 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)			
	-	6 Mac 2018 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2017)			
Tarikh Pendaftaran Ditutup	14 Julai 2017 (Semua jenis calon)			18 Mei 2018	21 Ogos 2018
	-	26 Januari 2018 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)			
	-	27 April 2018 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2017)			
Tarikh Ujian Lisan Bahasa Arab	-	-	25, 26, 27 September, dan 1, 2, 3, Oktober 2018	-	-
Tarikh Peperiksaan Bertulis	15, 16, 20, dan 21 November 2017	21, 22, 23, dan 24 Mei 2018	13, 14, 15, 19, dan 21 November 2018	22, 26, 27, dan 28 November 2018	29 November, 3, 4, dan 5 Disember 2018

Kemaskini pada: 28 November 2017 (Semua tarikh tertakluk kepada pindaan)

Nota:

- Semua maklumat yang tertera adalah tertakluk kepada pindaan dan kelulusan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Pendaftaran bagi calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dibuat sekaligus pada penggal 1.
- Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2017 boleh mendaftar pada penggal 2 sebagai calon sekolah swasta atau calon persendirian individu. Calon akan menduduki peperiksaan bertulis bagi penggal 1 dan penggal 2 sekaligus pada penggal 3.
- Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2017 dikehendaki memilih dan menduduki kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan Kerja Kursus (KK). Namun demikian, sekiranya tidak terdapat kertas peperiksaan alternatif bertulis yang sedemikian bagi sesuatu mata pelajaran, maka calon boleh memilih sama ada hendak melaksanakan Kerja Kursus atau tidak melaksanakannya mengikut pilihan yang berikut:
 - Jika calon memilih untuk tidak melaksanakan Kerja Kursus, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor KK tahun mengulang. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan tidak boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM dua tahun atau lebih selepas menduduki peperiksaan pertama.
 - Jika calon memilih untuk melaksanakan Kerja Kursus yang baharu pada tahun mengulang, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan tidak boleh merayu untuk diambil markah Kerja Kursus STPM tersebut.
(Maklumat lanjut sila rujuk pada Perkara 3 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2018** tentang Pendaftaran Lewat).
- Bagi calon yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding tahun lepas dan tiada markah KK tahun sebelumnya, calon dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan KK. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan KK, calon dikehendaki melaksanakan KK (Maklumat lanjut sila rujuk pada Perkara 3 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2018** tentang Pendaftaran Lewat).
- Permohonan semak semula markah dibuka selama 7 hari bermula daripada keputusan peperiksaan penggal 1, penggal 2, dan penggal 3 dimuat naik.
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia di talian **03-61261600 samb. 1661/1662/1663/1664/1665**.

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA, PERSIARAN 1, BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03-61261600 Faksimile: 03-61361488 Portal MPM: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my